

Pulau Tioman dapat status bebas cukai

BH 17 JAN 2002

Oleh Wan Esuriyanti Wan Ahmad, Sariha Mohd Ali dan Asrol Awang

SERDANG, Rabu – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengesahkan Pulau Tioman akan diberikan status pulau bebas cukai dalam usaha menarik pelancong dari negara jiran, terutama Singapura ke pulau itu.

“Ya...Pulau Tioman akan jadi sebuah pulau berstatus bebas cukai,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Ramah Mesra Bersama Perdana Menteri di Universiti Putra Malaysia, di sini petang ini.

Akhbar New *Straits Times* hari ini melaporkan Pulau Tioman akan ditukarkan status kepada pulau bebas cukai bagi menjadikan ia setanding Pulau Batam dan Bintan, Indonesia.

Kabinet minggu lalu meluluskan cadangan berkenaan. Pulau Tioman adalah pulau ketiga yang diberikan status itu selepas Labuan dan Langkawi.

Langkah itu dijangka meningkatkan kemasukan pelancong, terutama, dari Singapura. Kira-kira 1.2 juta pelancong Singapura me-

Pertukaran status kepada pulau bebas cukai adalah usaha menarik kedatangan pelancong

lawat Malaysia setiap bulan.

Jumlah pelancong ke Pulau Tioman pua meningkat dari 58,320 orang pada 1987 kepada 200,209 (2000).

Di KUANTAN, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata Kerajaan Pahang membekukan semua transaksi tanah di pulau itu, termasuk pelupusan tanah kerajaan atau pindah milik tanah persendirian kepada pihak lain.

Beliau berkata, tindakan itu dilakukan sejak 1998 ketika Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) diwujudkan dan setakat ini tidak ada tanah kerajaan dilupuskan, walaupun ada pihak memohon melaksanakan pembanguan di situ.

Kerajaan Pahang sudah mengenal pasti keluasan tanah di Pulau Tioman yang dibahagikan kepada

lapan zon kira-kira 12,000 hektar, termasuk kira-kira 1,200 hektar tanah milik persendirian dan 400 hektar daripadanya sudah dibangtmkan.

Sementara itu, penduduk tempatan dan pelancong asing menyambut baik keputusan menjadikan Pulau Tioman sebagai pulau peranginan bebas cukai seperti Labuan dan Langkawi.

Seorang pelancong dari England, Christine Hardy, 45, berkata kemudahan dan perkhidmatan kepada pelancong akan lebih baik apabila Tioman menjadi pulau bebas cukai.

“Keputusan memberikan pulau ini status bebas cukai akan menarik lebih ramai pelancong kerana Tioman sememangnya indah dan cantik untuk dilawati,” katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Beliau yang pertama kali berkunjung ke Pulau Tioman menganggap percution di pulau itu tambah menyeronokkan jika pelancong disediakan pelbagai kemudahan berkualiti dan bertaraf antarabangsa.

“Saya kagum keindahannya kerana Pulau Tioman mempunyai taman laut dan pemandangan pantai yang

amat menakjubkan.” katanya.

Bagi Isis Hahn, 30, dari Bombay, India, pemberian status bebas cukai pasti menggalakkan lebih banyak kegiatan bertaraf antarabangsa diadakan di pulau itu.

Seorang pelancong tempatan, Kapten (B) Anita Abdullah, 40, pula berka-

ta Tioman mempunyai keunikan tersendiri, khususnya persekitaran alam semula jadi dari khazanah lautnya.

“Saya baru pulang dari Tioman dan sememangnya ia mempunyai banyak tarikan. Jika kerajaan meluluskannya, ia dapat meningkatkan jumlah kedatangan pelancong,” katanya.

Setiausaha Persatuan Penggalakan Pelancongan Pahang (Pesta), Muhammad Sha’ani Abdullah, berkata pihaknya mengalukan keputusan itu.

Bagaimanapun, beliau berharap kehadiran pelancong ke pulau berkenaan diharap dikawal kerana kawasannya tidak sebesar Langkawi.